

Bangunan itu diiktiraf kedua tertinggi di dunia

Rakyat kagum Menara Merdeka 118

(12 JANUARI 2024) KOSMO . PT

Oleh AMIESHA ABADI

KUALA LUMPUR – Rakyat Malaysia menjadi saksi bersejarah perasmian bangunan kedua tertinggi di dunia, Menara Merdeka 118 sebagai salah satu mercu tanda terbaru negara ini.


Menara Merdeka 118 telah dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang berkenan mencemar duli malam kelmarin.

Rata-rata rakyat Malaysia yang menjadi saksi bersejarah itu kelmarin kagum dan bangga dengan bangunan berkenaan.

Mei Lin, 21, berkata, menara setinggi 678.9 meter itu diterangi oleh pertunjukan cahaya gimik yang memukau, menerangi langit malam dan mencipta lukisan cahaya yang menakjubkan.

"Saya sangat terpegun menyaksikan kemeriahan pembukaan Menara Merdeka 118 semalam dan dapat merakam detik itu."

"Ramai ibu bapa yang hadir membawa anak masing-masing bagi memeriahkan suasana perasmian," katanya.



ORANG ramai melihat Menara Merdeka 118 yang dihias dengan cahaya lampu berwarna-warni sempena perasmiannya di Kuala Lumpur semalam.

Farah Ghazi, 18, turut berbangga dengan pencapaian negara membina menara kedua tertinggi selepas Burj Khalifa sehingga menarik perhatian dunia.

"Sejak menara itu siap dibina, saya rasa ramai rakyat Malaysia dan juga pelancong dari luar negara datang menjelaskan kaki ke sini dan berbangga dapat meli-

hatnya di depan mata sendiri," jelasnya.

Menurutnya, hampir setiap hari pelancong asing datang berkunjung ke situ bagi menyak-

“

Saya sangat terpegun menyaksikan kemeriahan pembukaan Menara Merdeka 118 semalam dan dapat merakam detik itu."

sikan sendiri kemegahan menara tersebut.

Akmal Zahrin, 29, dengan rasa kagum dan bangga, menegaskan bahawa Menara Merdeka 118 bukan sekadar keajaiban struktur fizikal yang mengagumkan.

Baginya, menara itu melambangkan lebih daripada itu dan merupakan lambang kejayaan yang menandakan keazaman Malaysia untuk terus mara ke hadapan ke arah masa depan yang lebih cerah.

Menara itu dibina bersebelahan Stadium Merdeka yang mempunyai ketinggian 678.9 meter itu dimiliki Permodalan Nasional Berhad melalui anak-syarikat milik penuhnya, PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd.